AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Selangor catat penularan harian tertinggi dengan 1,623 kes

Kes baharu melebihi 2,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Selepas lebih 10 bulan berperang dengan pandemik Covid-19, buat pertama kali kes harian mencecah angka 2,000 dengan 2,188 kes dicatatkan semalam, sekali gus rekod tertinggi sejak jangkitan tersebut dilaporkan di negara ini.

Kes baharu yang dilaporkan adalah penularan tempatan, antara lain daripada 36 kluster aktif dengan tiga daripadanya merekodkan angka tertinggi iaitu Kluster Teratai (1,511 kes), Kluster Tembok (103 kes) dan Kluster Bintang (69 kes) serta tiada pertambahan kluster baharu semalam.

Negeri Selangor masih lagi mencatatkan kes harian tertinggi sebanyak 1,623 kes (74.2 peratus), diikuti oleh Sabah sebanyak 232 kes (10.6 peratus) dan negeri Perak sebanyak 112 kes (5.1 peratus).

Kluster-kluster penjara menyumbang sebanyak 107 kes (4.9 peratus) membabitkan Kluster Tembok (103 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (dua kes), Kluster Penjara Kepayan dan Kluster Penjara Sandakan (masing-masing satu kes).

Terdapat empat pertambahan kematian berkaitan Covid-19 iaitu satu di Pulau Pinang dan tiga di Sabah melibatkan tiga lelaki dan seorang wanita berusia antara 41 hingga 84 tahun, menjadikan jumlah terkini kes kematian sebanyak 341 kes.

PEKERJA kilang Top Glove di Klang menunggu untuk dibawa ke hospital bagi menerima rawatan semalam. – ZULFADHLI ZAKI

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebahagian besar kes dilaporkan di Selangor adalah daripada Kluster Teratai dengan pertambahan sebanyak 1,511 kes atau 93.1 peratus.

Justeru, katanya, pasukan perubatan dan kesihatan awam bantuan telah digerakkan ke kawasan yang terlibat bagi membantu segala aktiviti kawalan dan pencegahan termasuk saringan secara besar-besaran.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, pada gelombang ketiga pandemik ini, negara telah menyedari kepentingan untuk mengimbangi antara nyawa dan mata pencarian.

Katanya, pendekatan diambil seperti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan tertentu adalah untuk menjaga kepentingan kedua-dua aspek iaitu kesihatan dan ekonomi.

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu **Import: 0 Tempatan: 2,188**	**2,188**
• Pulih	**1,673**
• Kematian	**4**
• Masih dirawat	**14,353**
• Jumlah kes sembuh	**44,153**
• Jumlah Kematian	**341**
Jumlah kes keseluruhan	**58,847**

"Untuk industri yang menggunakan banyak tenaga kerja warga asing, majikan bertanggungjawab menyediakan tempat kediaman kondusif," katanya.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, Kluster Bah Layangan di Labuan dan Rembau, Negeri Sembilan yang melaporkan 14 kes positif serta tiada kematian diisytiharkan tamat semalam, menjadikan sebanyak 167 kluster tamat sehingga kini.

Kes tinggi berpunca kluster tempat kerja

PUTRAJAYA – Peningkatan kes positif Covid-19 secara mendadak di negeri-negeri Lembah Klang secara amnya dan di Selangor secara khususnya kebelakangan ini berkait rapat dengan kluster di tempat kerja.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, setakat ini sebanyak 119 kluster berkaitan dengan tempat kerja telah dilaporkan.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 36 kluster diisytiharkan tamat, manakala 83 kluster lagi kluster masih aktif sehingga ke hari ini.

"Sejumlah 77,201 individu telah disaring dengan sebanyak 12,079 kes didapati positif iaitu melibatkan 4,398 kes warga Malaysia dan 7,681 kes warga asing," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Ujarnya, lima kluster berkaitan tempat kerja melaporkan kes tertinggi sejak bermulanya pandemik Covid-19 ialah Kluster Teratai dengan 4,036 kes positif terkini terdiri daripada 190 kes warga Malaysia dan 3,846 warganegara asing.

"Kluster Tapak Bina Damanlela dengan 1,539 kes positif melibatkan 37 kes warga Malaysia dan 1,502 kes warga asing, manakala Kluster Cergas dengan 1,337 kes positif iaitu 268 kes warga Malaysia dan 1,069 kes warga asing.

NOOR HISHAM

"Bagi Kluster Hentian jumlah kes positif terkini sebanyak 1,101 kes iaitu 215 kes warga Malaysia dan 886 kes warga asing, manakala Kluster Kaya melaporkan 900 kes positif terdiri daripada 503 kes warga Malaysia dan 397 warga asing," katanya.

Sebanyak 2,188 kes positif baharu dicatatkan semalam, dengan sebahagian besar daripadanya disumbangkan Kluster Teratai.